



HEBAHAN MEDIA

TANGKAPAN DUA BUAH VESEL PENANGKAPAN IKAN ASING (VIETNAM) OLEH JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berjaya menahan dua (2) buah vesel penangkapan ikan asing (Vietnam) yang melakukan aktiviti menangkap ikan secara tunda ganding di perairan perikanan Malaysia.
2. Kedua-dua vesel ditahan sekitar jam 9.00 pagi 14 Ogos 2022 dalam jarak sekitar 70 batu nautika dari Kuala Terengganu. Rondaan yang dijalankan pada jam 9.00 malam 13 Ogos 2022 di Perairan Terengganu oleh Pejabat Perikanan Negeri Terengganu dengan kekuatan seramai 12 anggota Unit Perlindungan Sumber Negeri Terengganu itu telah berjaya menahan 16 krew bot warganegara Vietnam termasuk tekong dengan nilai rampasan RM3.5 juta.
3. Kesemua Orang Kena Tuduh (OKT) dan bahan kes dibawa masuk ke Pusat Tahanan Vesel (PTV) Kemaman untuk siasat di bawah Seksyen 15 (1)(a) dan Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985.
4. Jabatan Perikanan Malaysia memandang serius kepada pencerobohan oleh nelayan asing di perairan perikanan Malaysia. Pemantauan dibuat melalui *Monitoring, Control and Surveillance* (MCS) yang berpusat di Ibu Pejabat Perikanan Malaysia. DOF komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin (PPM), Tentera Laut Darat Malaysia (TLDM) dan Pasukan Udara (PDRM) bagi membentaras pencerobohan vesel asing terutamanya Vietnam ke perairan Pantai Timur Malaysia. Op Naga juga telah diaktifkan pada Mei 2019 di bawah Jawatankuasa Penguatkuasaan Bersepadu Pasukan Petugas Khas yang diketuai maritim.
5. Langkah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi atasi pencerobohan nelayan asing adalah meminda Akta Perikanan 1985 (2019) iaitu menaikkan kadar denda RM1 juta kepada RM6 juta untuk nakhoda manakala RM100,000 dinaikkan kepada RM600,000 untuk setiap kru bagi vesel penangkapan ikan.

6. Bagi menangani Sekuriti Makanan Negara, DOF telah melanggan sistem ENAV bagi mengesan vesel penangkapan ikan asing yang berada di perairan Malaysia. Data penjejakan yang diperolehi diguna untuk analisa trend pergerakan vesel asing selain membantu aktiviti penguatkuasaan.
7. Mewajibkan penggunaan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) serta kod QR dilaksanakan bagi memudahkan pengenalan vesel penangkapan ikan tempatan kerana pencerobohan ke perairan dan sempadan negara merupakan isu kedaulatan negara yang perlu ditangani oleh semua pihak. DOF menganggarkan kerugian bagi hasil laut dalam adalah sebanyak RM1.55 bilion manakala laut pantai Zon C berjumlah RM2.7 bilion.
8. Sebarang aduan kesalahan dibawah Akta Perikanan 1985 kepada Pangkalan Perlindungan Sumber Perikanan/Taman Laut yang terdekat atau melalui FISHCOM Putrajaya di talian 03-88704058; HOTLINE 03-8888 5019 atau email fishcom@dof.gov.my ; fishcomhq@gmail.com . Kerjasama pelbagai pihak dalam menyalurkan maklumat yang tepat dapat memudahkan tindakan yang akan diambil.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

15 Ogos 2022 (Isnin)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my